

Quran Al-Karim dan pengaruhnya kepada dunia.

Abdullah Bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda (maksudnya):

“Al-Quran itu ialah hidangan Allah, maka belajarlah daripada hidangan-Nya itu seberapa yang kamu sanggup.

Al-Qur'an ialah tali Allah dan cahaya yang terang-benderang. Al-Qur'an ialah penyembuh yang berguna, dan pelindung bagi siapa-siapa yang berpegang kepadanya, serta penyelamat bagi siapa-siapa yang mengikutnya. Al-Qur'an tidak dapat dipesongkan maka oleh itu tidak berkehendak diperbetulkan, tidak pula ia menyesatkan maka kerana itu ia tidak patut ditempelak. Al-Qur'an tidak akan habis-habis ajaib-ajabnya, dan tidak pula lusuh (cacat) kerana banyak kalinya diperulang-ulangkan orang membacanya.”

(Suntingan Abu Faisal)

Inilah dia al-Qur'an kitab Allah yang amat nyata, dan

Adapun al-Qur'an Al-Karim, maka ia kekal seperti

hujah-hujahnya yang mencengangkan, yang menjadi mukjizat Nabi

sediakala, tidak hilang mukjizatnya. Dan mukjizatnya itu

Muhammad yang besar. Dialah juga penjelasan yang berkekalan

pula untuk umat manusia seluruhnya. Tidak ada

hingga hari kiamat, yang menjadi saksi tentang benarnya

perbezaan di antara sesuatu bangsa dengan yang lain.

kerasulan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Dialah

Al-Qur'an tegak terus menerus dengan hujah terhadap

juga saksi yang mengucapkan kebenaran. Tiap-tiap sepele

manusia. Ia bukan sahaja menjadi mukjizat dengan

kata yang terkandung di dalamnya menyatakan perkara yang benar.

balaghahnya (kepetahannya) semata-mata, bahkan ia menjadi

Dialah mukjizat yang kekal abadi berbanding dengan segala

mukjizat dengan segala isi yang terkandung di dalamnya: dari

mukjizat yang lain. Tidak lenyap mukjizatnya, sedang tiap-tiap

kisah-kisah yang benar, yang tidak ditembusi oleh sesuatu

mukjizat bagi tiap-tiap seseorang nabi yang telah lalu telah

yang salah, dari masa yang telah lalu atau dari masa

hilang lenyap dengan lenyapnya zaman nabi-nabi itu.

yang akan datang. Ia menjadi mukjizat dengan hukum-hukum

Mana dia tongkat Nabi Musa?

syariat yang terkandung di dalamnya, yang tidak pernah diciptakan

Mana dia kuasa penyembuh Nabi Isa?

sebandingnya oleh akal manusia. Demikianlah segi-segi mukjizatnya

Mana dia api Nabi Ibrahim?

berbilang-bilang dan berbagai-bagai sehingga dapat dijadikan

Dan mana dia unta Nabi Soleh?

cabaran bagi segala peringkat masa dan keturunan.

Semuanya itu telah lenyap, tidak ada yang tinggal

2 – Kerana hakikat-hakikat yang kekal abadi ini yang terkandung

selain daripada khabar beritanya yang benar.

di dalam kitab suci al-Qur'an, dan kerana sepuak dari

kalangan manusia memusuhi kebenaran, disebabkan mereka tidak percaya kepadanya melainkan apabila ia terpancar dari kalangan mereka sendiri – kerana ini semuanya, al-Qur'an telah menjadi matlamat golongan yang sesat dan menyesatkan. Mereka melemparkannya dengan segala tuduhan dusta dari segala arah. Apatah lagi agama-agama sekarang telah menjadi suatu jenis 'aṣṣabiyyah yang menyerupai 'aṣṣabiyyah (perasaan pelampau) perkauman. Dunia kita masih penuh dengan orang-orang yang tidak percaya selain daripada yang datang dari kalangan mereka sendiri, sekalipun perkara yang lain itu benar, tidak dapat disangkal lagi. Mereka juga berpesanan sebagaimana pesanan datuk nenek mereka, dengan berkata – sebagaimana yang disebutkan di dalam Qur'an:

“wa lā tu'minū illā liman tabi 'a dīnakum”

Ertinya: “Dan janganlah kamu percaya, melainkan kepada orang-orang yang menurut agama kamu”.

Seteru-seteru Islam telah menimbulkan segala keraguan terhadap kitab suci al-Qur'an, tetapi segala tuduhan-tuduhan yang salah itu telah hancur lebur sebaik-baik sahaja berhadapan dengan Al-Qur'an, kerana Al-Qur'an berdiri dengan gagahnya seperti gunung, segala-galanya akan pecah dan hancur lebur di sisinya, sedang dia tidak cacat dan tidak dapat dirosakkan. Segala air bah kebatilan mencurah-curah turun dari atas gunung itu tetapi dia tidak sampai ke tanah lembahnya, dan dalam masa mengalirnya tidak pula dapat menghanyutkan sesuatu pun daripadanya. Bahkan dia (al-Qur'an yang diibaratkan seperti gunung itu) akan bertambah indah dengan pengaliran air bah itu, yang dapat memperlihatkan cahayanya kepada pemandangan, dan mata hati yang terang, sebagaimana yang disifatkan oleh al-Qur'an Al-Karīm:

“Qad jā'akum basā'irun min rabbikum, faman absara falinafsihi, wa man 'amiya fa 'alaiha”

Ertinya: “Telah datang kepada kamu pertunjuk-pertunjuk dari Tuhan kamu, oleh itu barang siapa celik (dengan pertunjuk-pertunjuk itu dan beramal dengannya), maka (faedahnyanya) adalah bagi dirinya sendiri, dan barang siapa buta (enggan menurutnya) maka (kesan buruknya) tertimpa atas dirinya sendiri”

Hujah-hujah Al-Qur'an tidak pernah menjadi lemah disebabkan tuduhan-tuduhan dusta yang dilemparkan oleh golongan yang sesat itu terhadapnya, baik pada zaman dahulu ataupun pada zaman ini. Tidak pernah seseorang mukmin berpaling tadah menjadi kafir akan Al-Qur'an disebabkan tuduhan-tuduhan dusta yang telah mereka lemparkan itu, bahkan kadang-kadang tuduhan-tuduhan yang menimbulkan yang menimbulkan syak dan ragu-ragu itu menimbulkan sebaliknya, kerana tuduhan yang seperti itu menyebabkan setengah daripada orang-orang yang berperasaan ragu-ragu terhadap al-Qur'an, berusaha mengkaji al-Qur'an lalu berpuas hati dengan kebenarannya dan beriman akan dia sesudah sekian lama tidak percaya kepadanya.

3 – Golongan-golongan yang menimbulkan perasaan syak dan ragu-ragu terhadap hakikat-hakikat Islam dan kebenaran al-Qur'an al-Karīm, biarkanlah mereka meraba-raba dalam kesesatan. Di sini kita hanya hendak menegaskan suatu hakikat yang tidak dapat disangkal kebenarannya sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Qur'an al-Karīm :

“dhālika al-kitābu lā rayba fīhi. Hudan lilmuttaqīn.”

Ertinya: “Kitab (al-Qur'an) itu, tidak ada syak padanya, iaitu menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa”

Jelasnya, tidak ada sebarang syak tentang kebenarannya, mutawatirnya, atau tentang mukjizatnya ataupun tentang hakikatnya. Al-Qur'an tetap sebagai (hujah Allah) yang kekal abadi hingga kiamat. Dialah pancaran nur yang bersinar terus menerus dari zaman junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* hingga kepada kesudahan

dunia dan segala isinya.

Al-Qur'an al-Karim telah dihafaz oleh sejumlah besar sahabat-sahabat nabi *radiya Allāhu 'anhum* dalam masa hayat Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Nabi sendiri bersungguh-sungguh menghafaznya sebaik-baik sahaja turun wahyu kepadanya, dan kerana itu baginda bersegera membaca ayat-ayat al-Qur'an ketika ayat-ayat itu sedang diwahyukan, sehingga Allah '*Azza wa Jalla* menegurnya di dalam Al-Qur'an, firman-Nya:

*"Lā tuḥarrik bihi lisānaka lita 'jala bihi. Inna 'alaynā jam 'ahu wa qur'ānahu. Fa'idhā qara'nāhu fattabi qur'ānahu. Thumma innā 'alaynā bayānahu"*¹

Ertinya: "Janganlah engkau gerakkan lidahmu dengannya kerana hendak cepat menghafaznya. Sesungguhnya atas kuasa Kamilah menghimpunkan al-Qur'an dan membolehkan engkau membacanya. Oleh itu, jika Kami habis membacanya, hendaklah engkau turut membacanya. Kemudian sesungguhnya ke atas tanggungan Kami lah penerangannya."

4 – Sebaik-baik sahaja sempurna turunnya ayat al-Qur'an yang akhir sekali pada hari Arafah, dalam masa Hajj al-Wida' (tahun yang kesepuluh hijrah), dengan turunnya firman Allah Ta'ālā:

"Al-yawma akmaltu lakum dīnakum wa atmamtu 'alaykum ni'matī waraḍītu lakumu al-Islāma dīna."

Ertinya: "Hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redai agama Islam menjadi agama kamu."

Sebaik-baik sahaja turunnya ayat Qur'an yang akhir sekali itu maka sempurnalah pula Rasulullah menghafaznya dan dengan itu baginda telah menghafaz Qur'an yang sebanyak tiga puluh juzu' itu seluruhnya. Lalu diikuti menghafaznya oleh sejumlah besar sahabat-sahabat baginda. Di antara mereka ialah Zaid bin Tsabit, Ubayy bin Ka'ab, Ali bin Abi

Talib, Osman bin Affan dan banyak lagi.

Menghafaz Qur'an tidaklah sukar kepada sahabat-sahabat kerana tiga sebab: pertama, kerana Qur'an itu diturunkan sedikit demi sedikit bukan sekaligus, iaitu dengan mengambil masa dua puluh tiga tahun. Tidaklah menjadi sukar kepada satu kumpulan besar dari orang-orang yang beriman, yang benar dan berjihad bersungguh-sungguh untuk meninggikan agama Allah kalau mereka menghafaz Qur'an yang sebanyak tiga puluh juzu' itu dalam masa dua puluh tiga tahun.

Kedua – orang-orang Arab terkenal di antara lain-lain bangsa sebagai orang-orang yang kuat ingatan dan kuat menghafaz, kerana mereka terang hati dan mempunyai akal yang luas dan cerdas, mereka (kebanyakannya) tidak tahu membaca dan menulis. Oleh itu segala ilmu mereka tersimpan di dalam hati mereka. Hal ini menjadikan ingatan mereka bertambah kuat. Dalilnya mereka sentiasa menghafaz syair-syair yang panjang-panjang, yang dikarang oleh seorang penyair dengan mengambil masa setahun lamanya – kerana panjangnya dan tinggi nilainya serta indah bahasa dan bentuknya.

Ketiga – Al-Qur'an al-Karīm ialah sepetah-sepetah perkataan, (mempunyai kata-kata dan bentuk susunan yang tidak bertolak banding), orang-orang Arab sangat pandai menilai kata-kata yang mereka dengar, mereka mengetahui akan kepetahannya dan menikmati keindahannya. Mana-mana yang petah dan tinggi nilaiannya mudahlah dihafaz akan dia oleh sesiapa yang dapat menikmatinya, dan mengerti akan kepetahannya. Ketinggian nilai Al-Qur'an dan kepetahan kata-katanya telah dinikmati dan diakui bersama-sama, baik oleh orang-orang yang beriman atau orang-orang yang tidak beriman. Bacalah apa kata seorang musyrik yang tidak percayakan Al-Qur'an dan tidak pula percaya kepada Nabi Muhammad. Orang musyrik itu ialah al-Walid bin al-Mughirah, katanya:

¹ Surah al-Qiyāmah: 16-19

“Demi Allah tidak ada di antara kamu (kaumnya – kaum Musyrikin dalam zaman Nabi) siapa-siapa yang lebih mengetahui akan syair dan segala jenis dan bahagiannya daripadaku. Demi Allah, apa yang dikatakan oleh Muhammad (yakni al-Qur’an) tidaklah termasuk dalam jenis-jenis syair. Kata-kata (al-Qur’an) yang dikatakan oleh Muhammad itu sungguh indah dan petah, bahagian atas berbuah lebih (bernilai isinya) dan bahagian bawahnya subur melimpah (dengan keindahan yang menawan hati). Ia sentiasa mengatasi dan tidak dapat diatasi. Ia dengan mudah menghancurkan leburkan segala apa jua yang terletak dibawahnya.”

Dengan hal yang demikian, sudah semestinya sahabat-sahabat Nabi menghafaz akan al-Qur’an al-Karīm, dan sejumlah besar di antara mereka yang telah menghafaz kesemua kandungan al-Qur’an yang sebanyak tiga puluh juzu’ itu. Al-Qur’an telah disusun segala “surah-surahnya” pada zaman Nabi masih hidup. Rasulullah sendiri telah membacakannya kepada Jibril, telah dibacakan beberapa kali kepada Jibril pada akhir tiap-tiap bulan Ramaḍān, sebagaimana yang tersebut di dalam hadis-hadis sahih dengan banyaknya. Nabi juga telah menyuruh sahabat-sahabat baginda membacanya menurut tertib susunnya sebagaimana yang ada di tangan kita hari ini, dan dengan nas ayat-ayatnya yang mutawatir, yang tidak bertolak banding tentang mutawatirnya, bahkan tidak masyhur sesuatu perkara di dalam dunia ini sebagaimana kemasyhuran al-Qur’an dengan nas-nasnya yang sabit dan kekal tidak berubah itu.

5 – Apabila Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* wafat maka sahabat-sahabat baginda telah menerima al-Qur’an menjadi satu amanah yang besar. Mereka mengetahui asas agama Islam itu ialah al-Qur’an dan as-Sunnah. Mereka pun menjalankan segala apa jua yang mesti dilakukan terhadap al-Qur’an dengan sempurnanya, sehingga mereka telah

keberatan menuliskan sesuatu yang lain daripada al-Qur’an dalam surat-surat catitan mereka, supaya tidak bercampur dengan yang lain. Cara itu berjalan terus beberapa lama, iaitu mereka bersungguh-sungguh menuliskan al-Qur’an dan meletakkan surah-surahnya menurut tertib susunan yang diperintahkan oleh Nabi semasa hayatnya. Sehingga Saiyidina Ali bin Abi Talib berbulan-bulan bekerja di rumahnya mengumpulkan al-Qur’an kesemuanya yang sebanyak tiga puluh juzu’ menurut susunan yang diperintahkan oleh nabi. Demikianlah halnya tiap-tiap seorang diri sahabat-sahabat Nabi yang besar-besar, masing-masing mempunyai usaha yang bersungguh-sungguh tentang menulis dan menyimpan baik-baik akan kandungan al-Qur’an, sehingga dipandangnya seolah-olah dialah seorang yang bertanggungjawab menanggung beban itu memeliharanya baik-baik menurut keadaannya yang asal.

Dalam peperangan al-Yamamah – tatkala orang-orang Islam berjuang menentang golongan-golongan yang murtad, banyakkah sahabat-sahabat Nabi yg hafaz Qur’an telah turun berjuang. Saiyidina Umar bimbang kalau banyak diantara mereka yang gugur syahid dan dengan itu akan lenyaplah kandungan kitab Allah yang mereka hafaz itu. Yi Umar pun pergi mendapatkan Khalifah Islam, Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq, lalu menyatakan pendapatnya, ujarinya: “Saya lihat ahli-ahli yang hafaz Qur’an menerpa medan pertempuran jihad sebagaimana kelkatu menerpa api, saya bimbang jangan-jangan peperangan bertambah dahsyat dan akan membawa mereka gugur syahid di medan perjuangan.” Ia pun mengesyorkan supaya al-Qur’an dikumpulkan dalam sebuah mushaf (kitab). Tetapi Saiyidina Abu Bakar keberatan menerima syor itu, ia keberatan hendak melakukan sesuatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Tetapi Saiyidina Umar mendesak terus dengan disokong oleh

sahabat-sahabat besar Nabi yang lain. Akhirnya Allah bukakan hati Saiyidina Abu Bakar menerima syor Saiyidina Umar yang baik itu lalu dibentuk satu badan daripada sahabat-sahabat besar Nabi yang terkenal sekaliannya menjadi ahli yang hafaz Qur'an, dan yang kebanyakannya dari orang-orang yang menjadi penulis wahyu bagi Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Lalu dikumpulkannya segala tulisan Qur'an yang ada dalam simpanan mereka.

6 – Sahabat-sahabat Nabi yang kesepuluh itu pun mengumpulkan al-Qur'an al-karim, dan bekerja terus menyelidik akan tiap-tiap nas (isi Qur'an) dengan rapi. Mereka sekaliannya memang sedia hafaz segala isi al-Qur'an dan masing-masing telah menuliskannya satu-persatu. Dalam pada itu mereka tidak hanya berpada dengan ingatan mereka yang hafaz Qur'an, atau berpada dengan tulisan-tulisan yang ada dalam simpanan mereka, tetapi mereka tidak menuliskan barang satu ayat pun melainkan setelah tsabit nasnya, pertama bersesuaian dengan apa yang mereka hafaz dengan ijmak, kedua dengan adanya ayat itu tertulis pada zaman Nabi masih hidup sebagaimana yang mereka hafaz akan dia, dan dengan disaksikan oleh dua orang saksi dari sahabat-sahabat besar Nabi, yang telah menyaksikan peristiwa turunnya ayat itu dan mendengarnya daripada Nabi serta telah menghafaznya. Jelasnya mestilah ayat itu disaksikan oleh mereka bahawa mereka mendengarnya daripada Nabi sebagaimana yang sedia tertulis dalam tulisan yang terkumpul itu dan sebagaimana yang telah dihafaz akan dia oleh sahabat-sahabat besar Nabi yang sepuluh itu.

Dengan cara yang rapi seperti yang tersebut di atas bekerjalah sahabat nabi itu mengumpulkan al-Qur'an dan meletakkan ayat-ayat dan surah-surah sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Nabi semasa hayatnya. Mereka telah sempurna

mengumpulkannya dan mengaturnya sebagaimana keadaannya yang ada di tangan kita hari ini.

Sahabat-sahabat nabi sekaliannya telah ijmak atas kitab suci al-Qur'an al-Karim yang ada ini. Orang-orang yang hafaz Qur'an diantara mereka beratus-ratus banyaknya. Usaha mengumpulkan Qur'an yang telah dimulakan dalam zaman Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq (yang telah menjadi khalifah selama 2 tahun beberapa bulan lalu wafat) telah sempurna dikumpulkan dalam sebuah kitab dalam zaman Saiyidina Umar yang telah menyerahkan untuk disimpan dengan baik di rumah anakandanya Ummul Mukminin Siti Hafsa (isteri Nabi) *raḍiya Allāhu 'anhā* (dalam zaman Saiyidina Uthman al-Qur'an telah disalin kepada naskah dan dibahagikan kepada daerah-daerah Islam yang terbentang luas di timur dan di barat).

Seyogianya diketahui, al-Qur'an al-Karim telah berkekalan dibaca dari hati (dari ingatan orang-orang yang menghafaznya) bukan semata-mata dari kitab Qur'an yang bertulis. Kerana usaha menghafaznya telah menjadi suatu amalan yang dikerjakan turun temurun hingga hari ini.

Sepanjang-panjang sejarah dunia, tidak pernah diketahui sebuah kitab mendapat perhatian dengan dihafaz segala kandungannya sebagaimana yang terjadi kepada al-Qur'an al-Karim.

Selidikilah hal ini dalam kalangan segala bangsa, dan di dalam segala zaman. Bertanyalah kepada sejarah, pernahkah ada sebuah kitab yang dihafaz segala isinya berjuta-juta manusia sebagaimana kandungan kitab suci al-Quran dihafaz oleh umat Islam?

Hampir Siap:

P E R S U R A T A N M E L A Y U I I I

\$6.00 sa-naskah

Penerbitan Qalam: